

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

07 JANUARI 2019

ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	NAIK TARAF PASIR GUDANG JADI BANDAR RAYA	2
SINAR HARIAN	MALAYSIA KEKAL LARANGAN	3
SINAR HARIAN	KOS RM10,000 RAWAT DUA ANAK	4
BERITA HARIAN	MALAYSIA TETAP PERTAHAN RUANG UDARA	5
THE STAR	PASIR GUDANG TO BE UPGRADED TO CITY STATUS, SAYS MB	6



SINAR HARIAN

Naik taraf Pasir Gudang jadi bandar raya

Sinar Harian, ISNIN
7/1/19

ISKANDAR PUTERI - Kerajaan Johor akan menaikkan taraf Pasir Gudang sebagai bandar raya ketiga di negeri ini selepas Johor Bahru dan Iskandar Puteri.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapian berkata, kawasan berkenaan sudah memenuhi kriteria untuk bergelar bandar raya.

"Kita dalam pendekatan untuk menaikkan taraf Pasir Gudang sebagai bandar raya yang ketiga.

"Insya-ALLAH Pasir Gudang akan menjadi bandar raya dalam masa terdekat ini," katanya selepas merasmikan Medan Selera Iskandar Malaysia di Taman Nusa Perintis, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Osman berkata, kerajaan negeri juga akan terus berusaha membangunkan Pasir Gudang.



Insya-ALLAH Pasir Gudang akan menjadi bandar raya dalam masa terdekat ini."
- Osman

"Kita ada juga menerima pelabur asing untuk melabur di kawasan Pasir Gudang di mana tempat-tempat yang masih belum lagi dimajukan.

"Begitu juga dengan projek perumahan. Pembangunan tetap berjalan seperti biasa," katanya.



SINAR HARIAN

Sinar Harian
07/1/19 @ Isnin

Malaysia kekal larangan

**Tidak benar
Singapura guna
ruang udara
Malaysia**

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Malaysia konsisten dan berpegang teguh dengan pendirian bahawa Singapura tidak boleh menggunakan ruang udara Malaysia di Pasir Gudang, Johor untuk pendaratan kapal terbang di Lapangan Terbang Seletar.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, perkara itu akan ditegaskan delegasi Malaysia diketuainya pada pertemuan dengan

rakan sejawatnya, Dr Vivian Balakrishnan, esok.

"Kita konsisten dan akan tetap berpegang dengan cadangan jika pesawat ingin mendarat di Seletar, mereka tidak boleh menggunakan ruang udara Malaysia.

"Diharapkan pertemuan pada 8 Januari itu (esok) akan membolehkan kita mencapai persetujuan dengan perkara perlu diselesaikan terhadap isu Seletar," katanya pada sidang media selepas melepaskan peserta Ultrun Kuantan New Year Ride & Run 2019, semalam.

Sebelum ini dilaporkan Malaysia membantah tindakan Singapura untuk melaksanakan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar berikutan langkah tersebut akan memberi impak besar kepada pembangunan Pasir



Saifuddin (tengah) bergambar bersama peserta ketika melepaskan peserta Ultrun Kuantan New Year Ride & Run 2019, semalam.

Gudang kerana wujud sekatan ketinggian struktur, selain meningkatkan risiko terhadap Pelabuhan Pasir Gudang.

Susulan itu, Malaysia

akan mengemukakan isu pencerobohan ruang udara Malaysia untuk dibincangkan dalam pertemuan wakil dua negara berkenaan.


Awal bulan lalu, Malay-

sia mahu Singapura menarik balik rancangan melaksanakan ILS atau mengubah laluan penerbangan ke Lapangan Terbang Seletar di republik itu.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan berkata, laluan penerbangan untuk sistem itu akan memberi impak besar kepada pembangunan di Pasir Gudang, susulan sekatan ketinggian struktur di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, Pelabuhan Johor di Pasir Gudang juga akan berada dalam keadaan berisiko tinggi, selain menghadapi pelbagai sekatan susulan pelaksanaan sistem pendaratan tersebut.

Malaysia turut mengisytiharkan pewujudan Kawasan Larangan Kekal di ruang udara Pasir Gudang berkuat kuasa 1 Januari lalu, dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (DCA) mengeluarkan Notis Kepada Juruterbang (Notam) pada 25 Disember lalu.



SINAR HARIAN

Kos RM10,000 rawat dua anak

Ibu tunggal rayu bantu Nur Adrina dan Nur Aurora

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Seorang ibu tunggal dari Taman Air Biru di sini, memerlukan bantuan kira-kira RM10,000 sebagai kos rawatan perubatan untuk dua anak perempuannya.

Menurut Nurul Ain Zakaria, 33, bantuan itu bagi anak sulungnya, Nur Adrina Aqliah, 10, mendapatkan pemeriksaan genetik di Jerman dan Nur Aurora Darmaya, 5 bulan, mendapat rawatan harian selepas disahkan menghidap hypotonia.

Menceritakan mengenai masalah dialami, Nurul Ain berkata, sebelum ini dirinya hanya perlu memberi perhatian kepada Nur Aurora sahaja berikutan dimaklumkan menghadapi komplikasi susah bernafas dan masalah otot lemah sejak lahir.

Bagaimanapun, dia seka-

li lagi diuji apabila, anak sulungnya pula berkemungkinan menghidap penyakit saraf sejak Disember lalu, selain mulai hilang ingatan.

"Pada mulanya, memang saya beri tumpuan kepada Aurora kerana dia memang disahkan sakit sejak lahir.

"Memang agak berat sebab saya pula tidak lagi bekerja sejak ditawarkan Skim Berhenti Kerja Sukarela.

"Nasib baik rawatan untuk Aurora tidak guna kos yang tinggi, cuma susu dan ubatnya sahaja mahal.

"Dugaan bertambah apabila Nur Adrina mungkin menghidap penyakit saraf.

"Doktor menasihatkan kami untuk bawanya mendapatkan pemeriksaan genetik, cuma rawatan itu tidak boleh dibayar dengan insurans dan perlu dibuat di luar negara," katanya.

Nurul Ain berkata, kos bagi pemeriksaan itu dianggarkan bernilai RM5,600, manakala kos selebihnya bagi menampung ubat-ubatan.

"Saya tidak tahu kos keseluruhan, tetapi doktor maklumkan ia mungkin dianggarkan RM5,600 atau lebih. Ia perlu dilakukan untuk hospital mengetahui penyakit se-



Syed Othman (tiga, kiri) menyampaikan sumbangan kepada Nurul Ain (dua, kanan) ketika lawatan.



Nur Adrina Aqliah ketika menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail, Disember lalu.

benar anak saya.

"Jumlah itu kalau diikutkan besar juga, sebab sekarang ini saya juga menangung kedua ibu bapa saya, selain hanya menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat," katanya.

Sementara itu, prihatin terhadap nasib Nurul Ain, Pegawai Khas Menteri Besar Johor Bahagian Pengaduan Awam negeri, Syed Othman Abdullah hadir meninjau serta memberikan bantuan kewangan bagi menampung perbelanjaan harian mereka.

info


- Anak sulung derita penyakit saraf
- Anak kedua menghidap hypotonia
- Perlu pemeriksaan genetik di Jerman

Kepada mereka yang ingin menghulurkan bantuan boleh menyumbang ke akaun Public Bank 6818759121 atas nama Nurul Ain Zakaria.



Nur Aurora Darmaya yang disahkan menghidap hypotonia.

Sinar Harian, Isnin @ 7/1/19



BERITA HARIAN

Malaysia tetap pertahan ruang udara

Kuantan: Malaysia tetap dengan pendirian bahawa pesawat yang mahu mendarat di Lapangan Terbang Seletar, Singapura tidak boleh menggunakan ruang udara Malaysia di Pasir Gudang, Johor.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata perkara itu akan ditegaskan delegasi Malaysia yang diketuainya dalam pertemuan dengan rakan sejawatnya, Dr Vivian Balakrishnan, Selasa ini.

"Kita konsisten dengan pendirian akan mengulangi cadangan pesawat mahu mendarat di Seletar tidak boleh menggunakan ruang udara Malaysia.

"Diharapkan pertemuan pada 8 Januari ini akan mencapai satu persetujuan isu yang perlu diselesaikan," katanya selepas melepaskan peserta Ultron Kuantan New Year Ride

& Run 2019 di sini, semalam.

Jumaat lalu, BH dalam laporannya mendedahkan beberapa pesawat ringan dan kapal terbang dilihat berlegar di ruang udara Malaysia sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar susulan penguatkuasaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS).

Lapangan terbang itu yang digunakan untuk pesawat kargo dan pesawat persendirian terletak betul-betul di tepi Selat Johor menghadap Pelabuhan Johor, Johor Bahru.

Pertemuan wakil dua negara

Tinjauan BH mendapati sebuah pesawat besar dan pesawat ringan memasuki ruang udara negara berhampiran Pelabuhan Johor bagi membuat pusingan sebelum mendarat di lapangan terbang itu.

Susulan itu, Malaysia akan

mengemukakan isu pencerobohan ruang udara Malaysia untuk dibincangkan dalam pertemuan wakil dua negara berkenaan, Selasa depan.

Awal bulan lalu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan berkata Malaysia mahu Singapura menarik balik rancangan melaksanakan ILS atau mengubah laluan penerbangan ke Lapangan Terbang Seletar di republik itu.

Laluan penerbangan untuk ILS bagi lapangan terbang itu memberi impak besar kepada pembangunan di Pasir Gudang, susulan sekatan ketinggian struktur di kawasan itu.


Beliau berkata, Pelabuhan Johor di Pasir Gudang juga akan berada dalam keadaan berisiko tinggi, selain menghadapi pelbagai sekatan susulan pelaksanaan sistem pendaratan itu.

Malaysia turut mengisytiharkan pewujudan Kawasan Larangan kekal di ruang udara Pasir Gudang berkuat kuasa 1 Januari lalu, dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (DCA) mengeluarkan Notis Kepada Juruterbang (NOTAM) pada 25 Disember lalu.

Sementara itu, di Iskandar Puteri, Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian akan membangkitkan isu pencerobohan ruang udara Pasir Gudang dalam mesyuarat bersama Perdana Menteri, Selasa ini.

"Saya juga akan bersama dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Azmin Ali pergi ke Singapura pada 13 dan 14 Januari ini, walaupun tidak termasuk dalam agenda (isu ruang udara) tetapi saya yakin ia akan dibincangkan juga selain-mendapatkan maklum balas daripada sana (Singapura).

Berita Harian, 07/1/19 @ Isnin



Pasir Gudang to be upgraded to city status, says MB

By REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my

ISKANDAR PUTERI: Pasir Gudang, whose airspace is a subject of dispute between Malaysia and Singapore, will be upgraded to a city this year.

Menteri Besar Datuk Osman Sapian said Pasir Gudang, whose development Malaysia argued would be affected by the flight path to Seletar Airport in Singapore, had met all the criteria to be

upgraded to a city.

This, he said, included having a population of over 300,000 residents.

"Pasir Gudang has been developing for quite some time now and it has the potential to grow further when we name it as our third city this year.

"The upgrading process is currently underway and pretty soon, we will see high-rise development in Pasir Gudang," he said after launching the Iskandar Malaysia

Food Court here yesterday.

With the upgrade in status, Pasir Gudang will be the third city after Johor Baru and Iskandar Puteri in the state.

Last month, Malaysia had wanted Singapore to withdraw its plan to implement the Instrument Landing System (ILS) or change the flight route to Seletar Airport.

Transport Minister Anthony Loke had said that the flight route would affect development in Pasir Gudang because it would limit the height of

infrastructure in the area.

Malaysia will meet Singapore over the issue tomorrow.

Of the dispute, Osman said the state government did not need to seek blessings from Singapore for any of its development projects.

"This is our state, our rights, and if we want to develop our state, why must Singapore intervene?"

"But as a neighbour, we should at least get their opinion in any of our projects (and) have a discussion," he said.

Osman said he would get more details on the airspace dispute during a meeting with the Prime Minister tomorrow.

He said both he and Economics Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali had also scheduled a meeting with Singapore to discuss the economic agenda for both countries on Jan 13 and 14.

"Although this issue is not part of the agenda, I will try to get feedback from our Singaporean counterpart on this matter," he said.

